

Tengkujuh alasan harga sayur naik 3 kali ganda

Dungun: Harga sayur-sayuran di daerah ini termasuk bayam, kangkung, kacang panjang, timun dan kailan meningkat hampir tiga kali ganda dengan peniaga mendakwa ia susulan musim tengkujuh yang berlaku sekarang.

Tinjauan di Pasar Besar Dungun semalam mendapati bayam dijual RM15 hingga RM16 sekilogram berbanding RM6 hingga RM7 sebelum ini, manakala kangkung RM14 hingga RM15 sekilogram berbanding RM4 hingga RM5.

Peniaga sayur, Fatimah Abdul Rahman, 72, berkata harga petola antara paling tinggi iaitu RM17 berbanding sebelum ini antara RM5 hingga RM7, manakala kailan dijual RM20 berbanding RM7 hingga RM8.

Katanya, kenaikan harga sayuran sejak seminggu lalu disebabkan musim tengkujuh dan peniaga menerima bekalan daripada pembekal dengan harga tinggi sejak kelmarin sehingga hampir tiga kali ganda.

“Peningkatan harga sayuran itu berikutan banyak kawasan



Fatimah ketika melayan pelanggan membeli sayur.

(Foto Rosli Ilham/BH)

tanaman ditenggelami banjir dan sejak semalam (kelmarin), harga sayuran semakin naik.

“Kacang panjang dijual RM11 berbanding harga biasa di an-

tara RM6 dan RM 7 sebelum ini, sawi hijau RM12 berbanding RM8, timun besar juga naik dan terpaksa dijual RM6 berbanding RM2 hingga RM3 sebelum ini.

“Kami tidak dapat berbuat apa-apa sebab ambil daripada pembekal dengan harga tinggi,” katanya.

Sementara itu, pemborong

dan penanam sayur, Roshais-ham Yusof, 30, berkata dia mengakui kenaikan harga sayuran berikutan hampir keseluruhan tanaman sayur ditenggelami banjir.

Katanya, selain penanam sayur lain, dia juga terkesan apabila tanaman yang diusahakan di tanah berkeluasan kira-kira 10 hektar musnah ditenggelami banjir.

“Saya tidak menyangka banjir kali ini sangat buruk sehingga tanaman sayuran saya seperti kailan, bendi, kacang panjang, kangkung, ubi keledak, bayam, labu, petola dan sebagainya musnah ditenggelami air sedalam hampir dua meter,” katanya.

Beliau berkata, kira-kira 20 lagi penanam sayur di beberapa kawasan di daerah ini turut mengalami nasib sama.

“Kejadian itu menyebabkan kami tidak dapat membekalkan sayuran kepada peniaga di pasar Dungun dan Kemaman, sekali gus menyebabkan peningkatan kenaikan harga sayur,” katanya.